

Seorang siswa diarah berkurung di rumah

SERDANG: Seorang pelajar perempuan diarah menjalani kuarantin di rumah selepas didapati demam ketika mendaftar sebagai pelajar baru di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, kelmarin.

Pelajar berusia 19 tahun yang akan mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan itu dikesan mempunyai suhu 37.8 darjah celsius ketika ujian saringan Influenza A (H1N1) yang dilakukan khas untuk pelajar baru yang mendaftar di universiti berkenaan.

Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata ketika ujian saringan pelajar

terbabit didapati demam dan pihak universiti merujuk perkara berkenaan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL).

"Pelajar dari Muar, Johor itu kemudian diasingkan dan diarah pulang ke rumah untuk dikuarantin sehingga sembuh, tetapi kita benarkan dia mendaftar.

"Kami difahamkan pelajar berkenaan baru pulang dari Hong Kong dan Singapura pada 22 Jun lalu, dan langkah pengasingan itu dilakukan sebagai usaha menanganinya sebarang kemungkinan," katanya ketika ditemui selepas mengiringi Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah meninjau hari terakhir pendaftaran pelajar baru di UPM di sini, semalam.

Nik Mustapha berkata, kesihatan pelajar terbabit akan dipantau selama tujuh hari, dan sekiranya keadaan stabil dan bertambah baik dia akan dibenarkan kembali ke kampus.

Sementara itu, beliau berkata, seramai 4,814 pelajar baru mendaftar untuk program Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Asasi di UPM yang bermula Sabtu hingga semalam.

Sehubungan itu, katanya, semua pelajar baru diminta menjalani ujian saringan H1N1 sebagai langkah mengelakkan penularan wabak berkenaan ke dalam kampus.

"Kita hanya mengesan satu kes setakat ini, dan hari ini (semalam) tiada kes pelajar demam dikesan," katanya.